

Menangani, mengurus kepelbagaian insan

MANUSIA diciptakan dengan kepelbagaian potensi rohani dan jasmani. Mereka juga berbeza dalam memperoleh peluang membangunkan potensi masing-masing. Kepelbagaian ini bukanlah alasan untuk kita menindas yang lain. Ia menuntut sikap saling bantu membantu sesama manusia.

Dalam al-Quran ditegaskan bagaimana manusia diciptakan daripada pelbagai bangsa dan warna kulit agar saling mengenali (Surah al-Hujurat: 13). Turut dinyatakan bahawa tidak semua manusia dikurniakan iman dan keyakinan yang sama (Surah al-Baqarah: 253). Semua ini demi hikmah yang hanya ALLAH SWT mengetahuinya. Demikian hakikat kepelbagaian insan pada peringkat individu mahupun masyarakat.

Kegagalan mengurus kepelbagaian sebenarnya mendorong kepada perpecahan serta pembunuhan yang pastinya akan merugikan semua pihak. Sebaliknya, pengurusan kepelbagaian dengan baik menyumbang kepada kehidupan harmoni.

Dalam hal ini, manusia mempunyai dua pilihan. Pertama, mengusahakan pengurusan kepelbagaian dengan baik dan sempurna hingga mewujudkan kehidupan yang harmoni dan bertamadun.

Pilihan kedua ialah mengabaikan sahaja usaha tersebut hingga membuka jurang kepelbagaian, perpecahan dan perselisihan yang menatijahkan kehidupan tidak tenteram. Pilihan dan kesannya ini bukan khayalan, bahkan suatu realiti yang disokong sejarah manusia Timur dan Barat.

Islam mengambil berat tentang isu tersebut. Perpaduan dan keharmonian manusia adalah antara misi utama agama. Islam menentang sekeras-kerasnya sebarang usaha memecahbelahkan perpaduan. Sebarang perselisihan yang meruntuhkan kesatuan dan menjejaskan keamanan perlu dibasmi secara adil dan berhemah.

Kenapa Islam menekankan keamanan?

Dalam Islam, manusia dicipta untuk melaksanakan misi dan tanggungjawab. Hidup manusia demi tujuan, mengenal Tuhannya dan berusaha memastikan kehidupan dimanfaatkan sebaiknya untuk akhirat.

Kesemua tuntutan dan amanah tidak dapat diusahakan dalam suasana tidak harmoni. Jika tidak, ia akan menjejaskan usaha seterusnya membantut perancangan persiapan ke akhirat.

Oleh itu, antara tujuan dan peranan syariat diturunkan adalah demi memandu menguruskan kepelbagaian ini. Dengan penghayatan syariat Islam secara sempurna dan tepat, umat Islam mampu melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan terpadu.

Kejayaan dan kegagalan umat Islam menangani konflik kepelbagaian ini bergantung sejauh manakah mereka

KEPELBAGAIAN yang wujud antara manusia bukan satu masalah besar untuk menyuntik perpaduan dan keharmonian dalam kehidupan.



Pada masa sama, umat Islam dituntut menyeru kepada kebenaran Islam dan menjelaskannya kepada bukan Islam dengan penuh bijaksana agar ia difahami dan dihormati walaupun tidak didokongi kerana akhirnya taufik dan hidayah adalah sepenuhnya milik ALLAH."

memahami, menghayati, melaksana serta mengamalkan syariat Islam dalam kehidupan.

Bagaimana pengurusan kepelbagaian dapat diusahakan?

Berdasarkan hakikat kepelbagaian, apakah pembangunan insan dan potensinya diusahakan dengan seimbang berdasarkan hakikat penciptaannya? Apakah pembangunan kedua-dua aspek rohani dan jasmani insan berlaku secara seimbang?

Apakah manusia benar-benar menghayati tanggungjawab diri dan tuntutan penciptaannya? Atau akibat terpengaruh dengan pemikiran tertentu, mereka lupa dan jahil tentang kenapa dan untuk apa mereka wujud?

Jika ini tidak dihayati, maka apa yang difahami dan diperjuangkan? Apa visi dan misi hidup mereka? Apakah ia hanya demi matlamat kebendaan dan jasmani semata-mata? Di manakah agama dan apakah kedudukannya? Apakah ia dilihat sebagai penghalang atau disempitkan tafsirannya dan dieksploitasi demi menyokong agenda mereka?

Jawapan bagi semua persoalan ini tertakluk kepada pandangan alam

(worldview) seseorang. Dalam konteks kehidupan insan, pelbagai fahaman dan pemikiran berkembang. Ada yang berasaskan agama dan akal yang terpadu dan ada yang bersumberkan nafsu dan keduniaan semata-mata. Semua ini mempengaruhi fahaman dan sikap insan terhadap hakikat kepelbagaian di atas. Kesannya, masing-masing akan bertindak berdasarkan apa yang didokongi dan ini akan mewujudkan satu lagi tahap kepelbagaian lain yang palsu dan diada-adakan.

Impak fahaman kepelbagaian palsu itu menyumbang kepada wacana yang lebih sulit kerana ia berasaskan kekeliruan dan kesilapan dalam menanggapi isu sebenar kepelbagaian sejati.

Dalam pandangan Islam, semua hakikat dan permasalahan ini diperjelaskan. Sebaliknya, dalam pandangan alam lain termasuk pandangan alam Barat, isu ini tidak diperkatakan secara tepat atau ia diolah berdasarkan kerangka berlainan. Hasilnya, ia melahirkan kefahaman dan tindakan berlainan. Kesan dan impaknya berbeza. Bentuk penyelesaian dan pengurusan kepelbagaian juga pelbagai.

Dalam konteks kefahaman dan tindakan misalnya, sesetengah pandangan alam melihat kepelbagaian insan itu sebagai suatu masalah, lalu mengusahakan agenda menyamaratakan di antara setiap individu. Ini membantut dan menekankan potensi tertentu yang dimiliki oleh sesetengah orang untuk lebih terkehadapan.

Ada pula yang mengiktiraf kepelbagaian ini namun mengeksploitasinya demi kepentingan pihak berkelebihan. Ini mewujudkan suatu masyarakat yang tidak seimbang

dengan jurang pemisah di antara kelompok masyarakat terus menjarak.

Kedua-dua pandangan sebegini adalah ekstrem dan tidak meletakkan sesuatu pada tempat dan konteks selayaknya. Sebab itu, ia tidak mampu menangani dan mengurus kepelbagaian insan dengan sempurna dan berterusan.

Ini berbeza dengan fahaman dan pendekatan Islam dalam menangani kepelbagaian. Islam tidak menafikan keistimewaan seseorang. Islam melarang sebarang bentuk eksploitasi. Sebaliknya, setiap kelebihan yang dimiliki adalah suatu amanah dan dia bertanggungjawab memanfaatkan sebaiknya untuk diri dan umatnya.

Orang berilmu wajib membimbing orang jahil, orang berharta wajib membantu orang miskin, bahkan orang yang berwibawa wajib memimpin orang yang dipimpinnya demi kesejahteraan hidup bersama. Semua kelebihan ini bukan hanya suatu kelebihan tetapi tanggungjawab yang akan dipersoalkan.

Berdasarkan pandangan alam Islam, kepelbagaian umat insan adalah rahmat. Ia adalah rahmat bagi yang berkelebihan kerana dengan kelebihan tersebut dia mampu menyumbang demi kesejahteraan yang lain. Ia adalah rahmat bagi yang kurang berkelebihan kerana walaupun kurang dalam sesuatu perkara, mereka masih mampu menyumbang dalam perkara lain. Ini akan menjalin hubungan harmoni di antara yang dibantu dan yang membantu.

Itu dalam konteks hubungan sesama Islam. Dalam konteks hubungan antara kaum pula, Islam mengiktiraf kepelbagaian agama, bangsa dan budaya. Sebagaimana kepelbagaian insan tidak dilihat sebagai masalah, demikian juga kepelbagaian kaum dan agama.

Perbezaan ini diperakui dan tanggungjawab setiap bangsa dan agama terhadap yang lain digariskan selengkap dan seadilnya.

Islam menjaga hak kebebasan, keistimewaan kaum dan anutan agama lain dengan syarat faham kebebasan dan hakikat kepelbagaian ini tidak disalah tafsirkan atau dieksploitasi demi agenda yang boleh menjejaskan keharmonian insan dan umat Islam.

Pada masa sama, umat Islam dituntut menyeru kepada kebenaran Islam dan menjelaskannya kepada bukan Islam dengan penuh bijaksana agar ia difahami dan dihormati walaupun tidak didokongi kerana akhirnya taufik dan hidayah adalah sepenuhnya milik ALLAH SWT.

